

Laungan azan sambut kemerdekaan

Hassan bangga terbabit secara langsung majlis pengisytiharan merdeka

8/11 - 19/5/2007



Oleh Hasliza Hassan

AZAN berkumandang menyelubungi Stadium Merdeka sebelum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj melaungkan ungkapan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali pada pagi 31 Ogos 1957. Apabila terdengar azan menerusi suara anak muda, suasana yang sebelum itu riuh rendah bertukar sunyi seketika kerana ribuan yang hadir menghormati laungan azan itu, termasuk yang bukan Islam.

Sebahagian mereka yang membanjiri stadium ketika itu tertanya-tanya milik siapa suara merdu yang berkumandang itu? Itu-lah suara Datuk Hassan Azhari, 79.

Hassan yang ketika itu berusia 29 tahun, ditempatkan dalam bilik khas di Stadium Merdeka yang dilengkapi pembesar suara, tetapi beliau tidak tahu apa yang berlaku di luar sana. Beliau cuma bersabar duduk di situ sambil menunggu isyarat untuk mengumandangkan azan.

Sebaik saja Tunku Abdul Rahman selesai menyampaikan ucapan, Hassan, ayah Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan menerima isyarat berbuat demikian, sekali gus menyaksikan Stadium Merdeka bergema dengan azan yang dikumandangkan oleh anak muda itu.

Walaupun hanya suaranya saja kedengaran, hatinya tetap bangga kerana turut diberi peluang terbabit secara langsung pada majlis yang menjadi titik permulaan sejarah Persekutuan Tanah Melayu yang akhirnya menjadi sebuah negara merdeka.

Mengingat kembali peristiwa yang berlaku 50 tahun lalu, Hassan berkata, dadanya sebak, hatinya sayu dan air mata kegembiraan mengalir tanpa disedari selepas beliau melaungkan azan.

"Masya-Allah! Air mata pagi itu adalah air mata gembira. Perasaan ketika itu sukar untuk dikatakan. Kita sebak, sayu dan menitikkan air mata. Kita menangis kerana gembira," katanya.

Hassan berkata, seminggu sebelum tarikh 31 Ogos, Datuk Abdul Rahman Talib yang ketika itu Menteri Pelajaran datang berjumpanya dan bertanya sama ada beliau boleh azan pada majlis pengisytiharan Merdeka nanti.

Beliau bersetuju memenuhi permintaan itu dan terus mengarang lagu sikah iaitu lagu mempunyai unsur gembira kerana baginya, hari itu nanti semua yang hadir di Stadium Merdeka berkongsi perasaan gembira.

Anak kelahiran Makkah itu berkata, selama menanti hari bersejarah itu, beliau tidak pernah berlatih secara serius, begitu juga sepanjang berada di bilik khas di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957.

Pagi itu, selepas menunaikan solat Subuh, beliau dijemput wakil Abdul Rahman di rumahnya di Kuala Klang, Klang. Sampai di Stadium Merdeka kira-kira jam 6.30 pagi,

beliau melihat orang ramai sudah berasak-asak untuk masuk ke dalam stadium.

Beliau terus di bawa ke bilik khas dalam stadium dan menanti dengan sabar tanpa mengetahui apa yang berlaku di pentas yang menempatkan Tuanku Abdul Rahman bersama wakil British serta pembesar lain.

Apabila tiba masanya (antara 8.30 hingga 9 pagi) isyarat diberi, beliau terus melontarkan suara mengikut lagu sikah mengumandangkan azan sambil memohon majlis itu mendapat keberkatan Allah.

Selepas upacara tamat, beliau terus dihantar pulang oleh wakil Abdul Rahman, tetapi sempat melihat Tunku Abdul Rahman yang masih sibuk dikelilingi barisan kepemimpinan dan wakil British.

Ditanya mengenai pemilihannya, Hassan berkata, zaman remajanya beliau memang aktif bernasyid dan sering dipanggil untuk memperdengarkan azan pada majlis pembukaan masjid di negeri Selangor.

Beliau juga aktif sebagai penyanyi nasyid untuk program lagu nasyid di radio RTM yang penerbitnya ketika itu ialah Tokoh Veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani.

"Memang saya banyak menerima jemputan untuk azan pada majlis pembukaan masjid dan saya juga aktif bernasyid. Mungkin itulah sebabnya saya dipilih. Saya bersyukur kerana terpilih melaungkan azan sempena kemerdekaan negara," katanya.

Pada tahun berikutnya, ketika Tunku Abdul Rahman ingin menunaikan haji, Hassan sekali lagi diminta mengumandangkan azan di lapangan terbang bersama seorang lagi muazin, Omar Arshad.

Bagaimanapun, kata Hassan, perubahan masa serta pembangunan yang dicapai Malaysia hari ini mengubah perasaan menyambut merdeka yang ternyata jauh berbeza antara dulu dan sekarang.

Baginya, alangkah molekul jika sambutan kemerdekaan hari ini dapat mengulangi peristiwa yang berlaku 50 tahun lalu dengan azan turut berkumandang tatkala menyambut peningkatan usia ke-

merdeka Malaysia.

"Azan ini sunat dan adalah baik jika kita sentiasa melakukan amalan sunat. Tidak kira apa juga majlis yang diadakan, akan mendapat keberkatan jika kita mulakan dengan azan," katanya.

Kisah pemilihan Hassan mengumandangkan azan pada 31 Ogos 1957 turut dimuat dalam Memoir Datuk Hassan Azhari, diterbitkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang dijangka dilancarkan tahun ini.

Beliau yang berhijrah dari Makkah ke Malaya ketika berusia lapan tahun mula terkenal apabila mengendalikan rancangan pembelajaran al-Quran di Radio Malaya antara 1960 hingga 2000.

Popularitinya mencapai kemuncak apabila wajahnya tersiar di televisyen mengajar ilmu tajwid dan al-Quran selama lima tahun dalam rancangan *Muqaddam* di RTM yang terus mekar dalam ingatan peminat setianya hingga hari ini.

Pada 1997, beliau menerima Anugerah Seri Angkasa bagi kategori anugerah khas juri atas kesetiannya berkhidmat selama 40 tahun dengan RTM.

Hassan juga adalah satu-satunya hakim Tilawah al-Quran yang paling lama berkhidmat iaitu sejak majlis itu dianjurkan selepas merdeka hingga sekarang. Dalam tempoh itu, beliau sering mewakili Malaysia sebagai hakim tilawah al-Quran antaranya di Arab Saudi, Iran dan Mesir.

Malah, beliau adalah johan tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang pertama kali dianjurkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Pekembar) pada 1947, sebelum dianjurkan secara rasmi kerajaan Malaysia pada 1960.

Hassan juga sekali-sekala suka bergurau dan pernah di rumah anaknya, pelakon terkenal Jalaluddin Hassan, di Ampang Jaya, beliau sempat memperdengarkan petikan piano lagu, ciptaan Allahyarham Tan Sri P Ramlee, *Madu Tiga* dan sebuah lagu Arab, *Yazohraton Firkhayali* atau maksudnya *Gadis Khayalan Ku*, kepada tetamu.

PROFIL

Datuk Hassan Azhari



Tarikh lahir: 1928

Tempat lahir: Makkah

Asal: Klang, Selangor

Isteri: Sahara Abdul Samad, Maimunah Abdul Ghani dan Khatijah Mohd Yusof

Anak: 22 orang

Anugerah:

- Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan (2002)

- Tokoh Maal Hijrah Selangor (1991)

- Tokoh Maal Hijrah Wilayah Persekutuan (1987)

- Tokoh Guru Agama Selangor (1989)

- Anugerah Khas Malam Seri Angkasa RTM (1997)



LAUNGAN KHAS: Hassan (kiri) mengumandangkan azan bersama Omar di lapangan terbang ketika menghantar Tunku Abdul Rahman menunaikan haji pada 1958.